



Pegawai sedang berkhidmat di Universiti Putra Malaysia serta individu yang berkelayakan adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:

PENDAFTAR GRED UTAMA B (VU6)

Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan Tertinggi.
Taraf Lantikan	:	Kontrak/ Peminjaman.
Tempoh Lantikan	:	Satu (1) hingga tiga (3) tahun untuk setiap lantikan tertakluk kepada Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia (LPU).
Gaji dan Imbuhan	:	Gaji permulaan dan imbuhan adalah setara dengan Gred Utama B (VU6) mengikut Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

SYARAT PERMOHONAN

- 1) Calon ialah warganegara Malaysia;
- 2) Calon hendaklah memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- 3) Calon hendaklah mempunyai pengalaman yang luas sekurang-kurangnya 20 tahun dalam bidang pengurusan perkhidmatan sumber manusia, tadbir urus, perancangan strategik, keselamatan, pentadbiran am, tadbir urus kerajaan, pengurusan hal ehwal akademik dan hal ehwal pelajar serta melepasi tahap prestasi tahunan yang ditetapkan oleh pihak universiti;
- 4) Calon hendaklah daripada pegawai yang berada di kumpulan perkhidmatan Pengurusan dan Profesional skim perkhidmatan Pegawai Tadbir (Gred N13 dan ke atas). Keutamaan diberikan kepada calon yang sedang atau pernah berkhidmat bersama universiti;
- 5) Calon sedang menyandang jawatan dalam perkhidmatan;
- 6) Calon hendaklah bebas daripada sebarang kesalahan tatatertib serta telah lulus saringan tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

RINGKASAN TUGAS

Merancang, menetapkan hala tuju, menerajui serta memantau penyediaan dan pengurusan perkhidmatan sumber manusia, governan, keselamatan, pentadbiran, pengurusan kewangan, hal-ehwal akademik, hal-ehwal pelajar serta sistem penyampaian perkhidmatan Universiti dilaksanakan berdasarkan tadbir urus yang terbaik, berintegriti dan profesionalisme dalam pengurusan organisasi secara keseluruhan. Matlamat utama adalah untuk memastikan UPM mengekalkan status sebagai Universiti Penyelidikan yang cemerlang, berdaya saing dan tersenarai dalam 100 universiti terbaik dunia melalui Penarafan Universiti Dunia dalam tempoh lima tahun akan datang. Pendaftar bertanggungjawab dalam hal ehwal senat universiti serta melapor kepada Naib Canselor dan Lembaga Pengarah Universiti.

KRITERIA PEMILIHAN

KRITERIA UMUM

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:

1. Kebolehan Mentadbir dan Mengurus

- Calon mestilah mempunyai kemahiran interpersonal (*people skill*) yang boleh menerajui transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi selaras dengan *core business* Universiti serta berkeupayaan menggerakkan komuniti kampus ke arah pembudayaan kerja cemerlang;
- Calon perlu menunjukkan kepimpinan yang baik berasaskan integriti, dengan ketegasan terhadap amalan anti-rasuah, pematuhan tinggi kepada peraturan, serta keazaman dalam melaksanakan tugas secara berterusan dan bertanggungjawab dan sentiasa mempamerkan komitmen yang tinggi.

2. Reputasi

- Calon hendaklah memiliki reputasi yang tinggi serta mendapat penghormatan (*command of respect*) dalam kalangan rakan sejawat. Calon juga perlu menjadi teladan (*role model*) kepada semua peringkat staf berdasarkan pencapaian, tingkah laku terpuji dan pengaruh selain mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik dan dihormati masyarakat dalam dan luar kampus.

3. Kemahiran Komunikasi dan Interpersonal

- Calon hendaklah mempunyai keupayaan untuk berkomunikasi dengan jelas dan berkesan, mendengar dengan baik, serta berinteraksi secara profesional dengan pelbagai lapisan warga universiti serta berkemampuan mengurus konflik secara konstruktif dengan membina hubungan kerja yang positif.

4. Personaliti

- Calon mestilah seorang yang berintegriti tinggi, teguh berpegang kepada nilai dan etika, berkeyakinan tinggi, berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi terutama dalam aspek kejujuran serta kesopanan, *team player*, berpandangan jauh, proaktif, dinamik, bertanggungjawab, patriotik dan bermotivasi tinggi;
- Memiliki dan mempraktikkan nilai dan etika yang tinggi dalam setiap tindakan serta menggalakkan prinsip ketelusan, keadilan, integriti dan profesionalisme dalam pengurusan organisasi secara keseluruhan.

KRITERIA KHUSUS

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:

1. Kecemerlangan Kepemimpinan dan Tadbir Urus

- Calon hendaklah memiliki pengetahuan dan kecekapan yang mantap dalam aspek tadbir urus bagi meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian Universiti serta berupaya membawa Universiti mencapai atau mengekalkan penarafan yang tinggi dan cemerlang.
- Calon berkemampuan dalam memberikan nasihat yang betul, tepat dan signifikan secara bertulis atau lisan kepada pihak Pengurusan Universiti dan Pusat Tanggungjawab mengenai apa-apa kepakaran yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran universiti dalam memenuhi keperluan semasa dan akan datang.
- Calon menunjukkan kepimpinan dalam tadbir urus yang melangkaui jangkaan melalui pelaksanaan dasar dan proses yang bukan sahaja mematuhi piawaian terbaik malah memperkenalkan amalan baharu yang meningkatkan ketelusan, kecekapan dan akauntabiliti dalam sistem penyampaian universiti.

2. Pengurusan Sumber Manusia

- Calon hendaklah berkebolehan mengoptimumkan penggunaan sumber organisasi serta menambah baik strategi pengurusan sumber manusia bagi membangunkan kapasiti tenaga kerja yang berdaya saing, sejajar dengan keperluan semasa dan masa hadapan. Calon juga perlu mampu menyediakan hala tuju yang jelas dalam mencapai matlamat organisasi.

3. Pengurusan Risiko

- Calon hendaklah berupaya mengurus perubahan organisasi secara berkesan dengan memanfaatkan sumber dan keupayaan sedia ada. Calon juga perlu berusaha mengurangkan risiko dalam setiap pelaksanaan kerja melalui pendekatan pengurusan risiko yang sistematik dan berkesan.

4. Pemikiran Strategik

- Calon berkebolehan mengenal pasti, menjangka dan menganalisis isu serta permasalahan yang kompleks dan seterusnya merangka strategi penyelesaian yang berkesan dan praktikal;
- Calon mampu melihat sesuatu situasi dari pelbagai sudut pandang serta berkeupayaan membuat keputusan mengikut keutamaan secara berpandangan jauh, menyeluruh dan strategik;
- Calon berkemahiran dalam merancang dan melaksanakan Pelan Strategik Organisasi serta mentafsirkannya sehingga ke peringkat pelaksanaan dengan berkesan.

5. Kemahiran Membuat Keputusan

- Calon mempunyai keupayaan menggunakan pendekatan dan kaedah yang sistematik serta berkesan untuk menilai dan memilih alternatif, mencadangkan penyelesaian serta mengoptimumkan sumber, selaras dengan strategi, dasar dan nilai organisasi. Semua keputusan dibuat berdasarkan maklumat yang sahih, relevan dan terkini bagi menjayakan operasi UPM.

6. Penggubalan dan Penguatkuasaan Dasar

- Calon mempunyai keupayaan untuk menilai, merancang dan menggubal dasar serta perundangan yang relevan bagi memastikan hala tuju dan strategi Universiti dapat dilaksanakan secara berkesan, teratur dan berjaya;
- Calon juga berkemampuan untuk menilai secara objektif dan membuat keputusan terhadap kes-kes pelanggaran serta ketidakpatuhan terhadap dasar dan undang-undang, selaras dengan prinsip integriti dan tadbir urus yang baik.

7. Kepimpinan Berteraskan Nilai dan Etika

- Calon memiliki dan mengamalkan nilai serta etika kerja yang tinggi dalam setiap tindakan, di samping menggalakkan prinsip ketelusan, keadilan, integriti dan profesionalisme dalam pengurusan organisasi secara menyeluruh;
- Calon menegakkan prinsip-prinsip kepemimpinan yang baik termasuk bersikap tegas terhadap amalan rasuah, berdisiplin tinggi serta sentiasa mempamerkan komitmen yang konsisten terhadap tanggungjawab dan amanah yang diberikan;
- Calon berperanan dalam membina dan memupuk persekitaran kerja yang sihat, selamat dan inklusif, serta bebas daripada sebarang bentuk gangguan dan diskriminasi.

CARA MEMOHON

- 1) Permohonan hendaklah dikemukakan melalui **borang yang disediakan** beserta **Curriculum Vitae (CV) yang lengkap** dengan maklumat berkaitan pengalaman, kepimpinan dan pencapaian calon;
- 2) Calon juga dikehendaki mengemukakan kertas cadangan serta pencapaian semasa serta ringkasan mengenai wawasan dan perancangan jangka pendek dan jangka panjang jika dilantik;
- 3) Borang permohonan dan *Curriculum Vitae (CV)* perlu dikemukakan dalam dua bentuk iaitu secara fizikal dan digital bagi tujuan saringan awal;
- 4) Semua dokumen permohonan termasuk salinan sijil akademik dan dokumen sokongan yang berkaitan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada **15 Ogos 2025 (Jumaat)** ke alamat berikut:

Dokumen fizikal: Bahagian Governan dan Integriti
Tingkat 4, Bangunan Canselori Putra
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
SELANGOR
(u.p: **Encik Azizi bin Ismail**)

Dokumen digital: kb_bgi@upm.edu.my / idasu@upm.edu.my

- 5) Hanya permohonan yang lengkap dan melepasi peringkat saringan sahaja akan dipanggil untuk sesi temu duga.
- 6) Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan boleh dikemukakan kepada:

Encik Azizi bin Ismail / Puan Ida Suhaila binti Md. Tahir
Telefon: 03-9769 6943

MAKLUM BALAS

Pemohon yang tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh enam **(6) bulan** selepas tarikh tutup iklan ini dianggap tidak berjaya.

Pejabat Pendaftar
UPM